



Cabaran Video Zass! TNB 75 Tahun

TERMA & SYARAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan video trending “ Cabaran Video Zass! TNB 75 Tahun ini adalah anjuran Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan dengan kerjasama Jabatan Corporate Affairs, TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) di bawah penaung Ir.Muhamad Nazri Pazil, Pengarah Urusan TNB Genco.
2. Pertandingan ini dianjurkan bagi meraikan ulang tahun ke-75 tahun TNB yang akan disambut pada 1 September 2024.
3. Penyertaan terbuka kepada semua anggota kerja TNB dan anak syarikat TNB.
4. Tempoh penyertaan dan penyerahan (*submission*) video bermula **5 Ogos 2024 sehingga jam 23:59:59, 15 September 2024**. Walaubagaimanapun, pihak penganjur berhak melanjutkan tarikh tutup pertandingan pada bila-bila masa yang dirasakan perlu.
5. Setiap peserta boleh menghantar lebih daripada satu video. Walau bagaimanapun, peserta hanya layak memenangi **satu (1) hadiah sahaja**.

TANGGUNGJAWAB PESERTA

1. Peserta perlu memastikan semua langkah keselamatan telah diambil sepanjang sesi penghasilan video berlangsung dan jika pemakaian PPE diperlukan, pastikan PPE dipakai dengan lengkap dan betul.
2. Peserta bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku liabiliti, kecelakaan, kecederaan, kehilangan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan oleh penyediaan dan penyertaan mereka dalam pertandingan.

3. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecelakaan, kehilangan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) dengan cara apa pun yang dialami oleh peserta akibat daripada menyertai pertandingan.
4. Selari dengan pelaksanaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, peserta dengan ini memberikan kebenaran kepada pihak penganjur untuk menggunakan nama, video penyertaan dan kapsyen gambar untuk tujuan mempromosikan yang bersesuaian pada masa depan dalam apa jua program, penerbitan, media tanpa pampasan, pemberitahuan atau kebenaran tambahan daripada peserta. Walaubagaimanapun, video yang digunakan akan dikreditkan selayaknya kepada pemilik karya.
5. Dengan menyertai pertandingan ini, peserta bersetuju setiap masa untuk terikat dengan terma dan syarat yang telah ditetapkan.
6. Semua video yang dihasilkan **TIDAK DIBENARKAN** disiarkan di mana-mana platform media sosial seperti Youtube, Tiktok, Facebook, Instagram, X dan lain-lain. Penyiaran video tersebut hanya akan dibuat di 'microsite' penganjur sahaja. Sekiranya terdapat pelanggaran pada syarat ini, penyertaan akan dibatalkan.
7. Semua video penyertaan dan undian yang dihantar menjadi hakmilik penganjur dan adakah **UNTUK EDARAN DALAMAN SAHAJA**. Walau bagaimanapun, pihak penganjur berhak menyiarkan video yang menepati semua syarat-syarat penyertaan di mana-mana platform yang sesuai bertujuan untuk mempromosi budaya kerja positif warga TNB dan pencapaian Syarikat.

HAK PENGANJUR

1. Pihak penganjur berhak secara mutlak untuk mengkaji dan mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini pada bila-bila masa.
2. Penyertaan yang menggunakan bahasa berbaur lucah, bersifat perkauman atau berunsur politik tidak akan dipertimbangkan.
3. Penggunaan fungsi filter dalam apa jua aplikasi adalah dibenarkan dan boleh menggunakan lagu atau muzik yang bersesuaian.
4. Peserta digalakkan untuk menyemak terma dan syarat dari semasa ke semasa untuk melihat sebarang pindaan dan/atau perubahan pada terma dan syarat pertandingan ini.
5. Pihak penganjur tidak bertanggungjawab untuk menanggung sebarang kos ataupun kerugian yang ditanggung oleh peserta sepanjang pertandingan berlangsung.

KONSEP DAN SPESIFIKASI VIDEO

1. Peserta perlu menghasilkan video berdurasi minimum 10 saat dan maksimum 30 saat dan memuat naik video kreatif mengikut tema pertandingan yang telah ditetapkan. Video yang melebihi durasi yang ditetapkan tidak akan diterima.
2. Isi kandungan video haruslah selari dengan tema pertandingan dan perlu menggambarkan peralihan dan perubahan era (dulu dan kini/sebelum dan selepas) yang berlaku di TNB sepanjang 75 tahun dengan menggunakan tema-tema berikut:
 - I. Pakaian rasmi LLN/TNB
 - II. Tempat kerja atau bangunan TNB
 - III. Kenderaan atau fleet TNB
 - IV. Teknologi di TNB
3. Format Video: **MP4, dengan saiz maksimum 30MB** dan sebaiknya dalam **format landscape**. Saiz yang melebihi saiz yang disarankan tidak akan diterima.
4. Bahan video yang dihasilkan perlu mempunyai kualiti gambar dan audio yang baik serta jelas.
5. Video mestilah karya asli peserta dan tidak pernah menyertai mana-mana pertandingan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa dan digalakkan untuk melibatkan kepelbagaian dari segi umur, bangsa dan jantina.
6. Mesej atau kapsyen boleh menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
7. Video boleh dihasilkan secara individu atau berkumpulan.
8. Setiap bahagian, jabatan, stesen dan anak syarikat **DIGALAKKAN** menghantar sekurang-kurangnya **SATU PENYERTAAN**.

PENDAFTARAN DAN PENGHANTARAN VIDEO

1. Untuk menyertai pertandingan, peserta dikehendaki mengisi maklumat lengkap pada borang penyertaan dan memuat naik video penyertaan di link rasmi pertandingan seperti yang tertera di TNB Livewire.
2. Setiap penyertaan yang berjaya akan menerima mesej “ *Terima kasih kerana menyertai!*” sebagai bukti penerimaan yang akan tertera di laman yang sama.

KRITERIA PENJURIAN

1. Penjurian terbahagi kepada 2 pusingan:
 - i) Pusingan Pertama – Undian Umum secara atas talian (Online Voting)
 - Undian umum adalah undian yang diterima daripada sistem pengundian atas talian yang dibuka kepada semua warga kerja seperti yang dimaklumkan di TNB Livewire.
 - Tempoh undian atas talian adalah dari **20 September 2024 sehingga jam 23:59:59, 30 September 2024.**
 - Sebanyak 30 video dengan undian tertinggi akan dipilih bagi melayakkan penyertaan ke pusingan kedua.
 - ii) Pusingan Kedua – Juri Jemputan
 - Pada pusingan ini, sebanyak 30 video terbaik dari pusingan pertama akan dihakimi oleh juri professional yang dilantik oleh pihak penganjur dan penganjur pertandingan.
2. Keputusan juri adalah **muktamad**. Sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.

HADIAH

Lapan belas (18) video yang mendapat undian tertinggi dari juri awam dan permarkahan terbaik dari juri profesional akan dinobatkan sebagai pemenang dan menerima hadiah-hadiah seperti berikut :

Kategori	Jumlah (RM)
Tempat Pertama	Wang tunai bernilai RM5,000.00
Tempat Kedua	Wang tunai bernilai RM3,000.00
Tempat Ketiga	Wang tunai bernilai RM1,000.00
Hadiah Saguhati	15 x wang tunai RM500.00

PENOLAKAN PENYERTAAN

Penganjur berhak menolak sebarang penyertaan yang tidak memenuhi syarat dan kriteria penyertaan yang telah ditetapkan atau melanggar sebarang peraturan yang

telah ditetapkan.

TARIKH TUTUP PENYERTAAN

1. Semua penyertaan dan penyerahan video hendaklah dikemukakan kepada pihak penganjur selewat-lewatnya pada **15 September 2024** sebelum **jam 23:59:59**.
2. Penyertaan yang diterima selepas daripada tarikh tutup tidak akan diterima dan dilayan.

PENGUMUMAN PEMENANG

1. Senarai pemenang rasmi akan diumumkan di platform dalaman TNB yang terpilih dalam masa 60 hari selepas tarikh pertandingan berakhir.
2. Sekiranya pemenang gagal dihubungi selepas 30 hari dari tarikh pengumuman pemenang, maka hadiah untuk pertandingan akan terbatal dan pihak penganjur berhak untuk memberikan hadiah kepada pemenang gantian seterusnya.
3. Hadiah tidak boleh ditukar milik atau dipindah milik.
4. Penganjur berhak meminda hadiah yang ditawarkan dengan nilai setara yang bersesuaian.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi pihak penganjur Pertandingan Video Trending: Cabaran Video Zaas! TNB 75 Tahun:

1. Siti Aqilah Binti Razali, Aqilah.Razali@tnb.com.my
2. Aminah Syahirah binti Zainuddin, aminahsyahirah@tnb.com.my
3. Mohd Fairuz Hamsani, fairuzh@tnb.com.my